

Mary Fatimah Subet, Dayang Sariah Abang Suhai, Nur Ardini Jian Abdullah & Salbia Haji Hassan (1-2 Nov 2010), Dialek Melayu Sarawak: Ke Arah Memantapkan Konsep 1Malaysia. Paper presented at Seminar Kebangsaan 1Malaysia, Universiti Malaysia Sabah.

**Dialek Melayu Sarawak:
Ke Arah Memantapkan Konsep 1Malaysia**

**Oleh:
Mary Fatimah Haji Subet
Dayang Sariah Abang Suhai
Nur Ardini Jian Abdullah @ Elmie
Salbia Haji Hassan
Pusat Pengajian Bahasa
Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)**

1.0 Pengenalan

Dialek ialah kelainan bahasa yang dituturkan oleh sesebuah kelompok masyarakat. Di Malaysia, dialek yang dituturkan berbeza berdasarkan faktor geografi. Setiap daerah atau kawasan mempunyai dialeknnya masing-masing. Dialek Melayu Sarawak (DMS) merupakan dialek yang paling besar perbezaannya dengan dialek-dialek Melayu lain di Malaysia. Banyak perkataan dalam DMS yang sangat berbeza dengan dialek-dialek Melayu di Semenanjung dan Sabah. Integrasi kaum antara penduduk Malaysia telah lama terlaksana. Terdapat banyak aktiviti ke arah mengintegrasikan penduduk ini, misalnya melalui bahasa. Integrasi melalui bahasa dapat ditelusur dengan melalui pemahaman terhadap makna atau semantik sesuatu bahasa yang dituturkan.

Masih terdapat penduduk dari Semenanjung Malaysia dan Sabah yang keliru dengan makna perkataan DMS dengan Bahasa Melayu Standard (BMS). Ekoran itu, berlaku salah faham, salah sangka, kegagalan menyampaikan maksud sebenar, prejudis dan sebagainya. Hal ini telah dinyatakan secara verbal oleh responden yang diajukan soalan-soalan yang berkaitan secara rawak oleh pengkaji dan juga melalui borang soal selidik yang diedarkan. Oleh yang demikian, hal ini dikhuatiri akan merencatkan konsep 1Malaysia. Contoh, seorang penutur jati DMS menuturkan kata “burit” akan dianggap mencarut, lucu, kurang ajar, dan kurang sopan

oleh pendengar bukan penutur DMS. Begitu juga penutur BMS yang menuturkan kata “lawa” akan disalah anggap pengertiannya dengan kata “sombong” oleh pendengar DMS. Contoh-contoh kata “burit” dan “lawa” ini cuma antara beberapa patah perkataan yang digunakan oleh pengkaji dan diajukan secara rawak sahaja kepada responden-responden yang merupakan pelajar-pelajar dari Semenanjung Malaysia dan Sabah yang menuntut di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), khususnya para pelajar yang mengikuti kursus PBM 2033 Dialek Melayu Sarawak yang ditawarkan sebagai kursus elektif. Hal ini telah membawa kepada usaha untuk menjalankan kajian rintis terhadap ketidaktahuan semantik antara DMS dan BMS. Dalam permulaan kajian ini, didapati responden-responden yang diajukan perkataan-perkataan berkenaan, menunjukkan reaksi yang berbeza-beza. Reaksi tingkah laku antaranya malu, senyum sinis dan menggeleng-gelengkan kepala, khususnya ditunjukkan oleh responden wanita. (*Reaksi verbal pula akan dikemukakan dalam bahagian analisis dan perbincangan kertas kerja ini*). Responden wanita mendominasi kajian ini iaitu sebanyak 92.6 %, dan 7.4 % ialah responden lelaki. Daripada jumlah ini 66.7% responden berbangsa Melayu, 7.4% Cina, 3.7% India dan 22.2% ialah lain-lain Bumiputera Sabah, yang antara lainnya ialah Kadazan Dusun, Kadazan, dan Dusun. Terdapat responden yang diajukan perkataan ini secara rawak sahaja telah menulis dalam penilaian atas talian terhadap pengkaji sebagai membincangkan perkara yang berkonotasi buruk di dalam kuliah. Reaksi seperti ini memberi peluang kepada pengkaji untuk melaksanakan kajian rintis dan meneroka sikap sedemikian ekoran penyebutan kata-kata berkenaan yang rata-rata dianggap sebagai berkonotasi buruk tadi. Hal ini perlu dicari jalan penyelesaiannya. Salah satu cara penyelesaiannya ialah kedua-dua penutur dan pendengar harus mempunyai sikap saling memahami terhadap bahasa yang dituturkan. Di sinilah, kajian rintis yang menggariskan kosa-kosa kata dalam DMS yang mempunyai persamaan dan perbezaan dari segi semantiknya dengan BMS dilaksanakan. Kerangka semantik yang dilihat pada permulaan kajian ini hanyalah makna pada peringkat permukaan sahaja. Makna peringkat permukaan sahaja cuma melihat pada bentuk logik dari segi peringkat permukaan ayat sahaja atau peringkat semantiknya. Bentuk-bentuk logik ini melahirkan makna ayat yang diujarkan tetapi banyak meninggalkan ketaksaan dan rujukan yang belum diselesaikan.

Kajian rintis ini menggariskan tiga objektif untuk dicapai. Tiga objektif tersebut adalah seperti berikut: